



SPECTRUM

MSAE

ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN



SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 02/2017

MESYUARAT PRA-ACABE 2017

Mesyuarat Pra-ACABE telah diadakan diantara Persatuan Jurutera Pertanian Malaysia (MSAE) dan Persatuan Jurutera Pertanian Filipina (PSAE) pada 26 Julai 2017 di Fakulti Kejuruteraan, UPM. Diantara agenda mesyuarat yang dibincangkan tentang persiapan bagi mesyuarat "5th ASEAN Cooperation on Agricultural and Biosystems Engineering (ACABE)" yang akan dihoskan oleh MSAE sempena dengan Mesyuarat Agong MSAE ke-36 dan penganjuran Konferensi MSAE yang pertama yang dijangka akan diadakan pada Februari 2018.



Gambar 1: (a) Mesyuarat Pra-ACABE 2017 diantara MSAE dan PSAE di UPM, Serdang, dan (b) Bergambar bersama Exco MSAE dan delegasi PSAE di Mercu Tanda AE

MESYUARAT AUCFA KE-5 2017

Pada 26 Julai 2017 telah diadakan Mesyuarat "5th ASEAN Universities Consortium on Food and Agro-based Engineering & Technology (AUCFA)" yang diadakan di Kompleks Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM, Serdang, Selangor. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh delegasi dari Cambodia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Malaysia. Mesyuarat AUCFA ke-5 telah diadakan serentak dengan pengajuran "International Food Research Conference (IFRC)" 2017 oleh Fakulti Sains & Teknologi Makanan, UPM.

Dalam mesyuarat ini, telah membincangkan tentang pengharmonisasi kurikulum Kejuruteraan Pertanian dan Teknologi Makanan di antara negara-negara ASEAN ini. Disamping membincangkan tentang mobaliti pelajar dan pegawai dari universiti atau agensi yang berminat. Mesyuarat AUCFA ke-6 bagi tahun 2018 akan diadakan di Filipina yang akan dianjurkan oleh "Professional Regulation Commission-Professional Regulatory Board of Agricultural & Biosystems Engineering (PRC-PRB-ABE), Commission on Higher Education (CHED), & the Philippine Society of Agricultural Engineers (PSAE)" bersempena dengan "68th PSAE Annual National Convention" & "15th International Agricultural Engineering Conferment and Exhibition" in Davao City, Philippines pada 22-28 April 2018.



Gambar 2: Gambar bersama-sama delegasi yang hadir ke Mesyuarat AUCFA ke-5 2017 di UPM, Serdang.

